

JAWAB SEMUA SOALAN

1 Sultan mempunyai hak mutlak untuk mengawal rakyat dan wilayah. Apakah ciri negara bangsa yang berkaitan dengan pernyataan tersebut?

- A** Wilayah pengaruh yang luas
- B** Keunggulan undang-undang
- C** Kedaulatan Sultan
- D** Keistimewaan melalui lambang kebesaran

2 Apakah peranan golongan rakyat?

- I Taat setia kepada sultan
- II Mengukuhkan ekonomi
- III Menjalankan pentadbiran
- IV Mematuhi undang-undang

- A** I dan II
- B** I dan IV
- C** II dan III
- D** III dan IV

3 Maklumat berikut berkaitan dengan nasionalisme di Asia.

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none">- Nasionalisme di China- Nasionalisme di India- Nasionalisme di Jepun |
|---|

Berdasarkan maklumat di atas, apakah persamaan nasionalisme tersebut?

- A** Memulihkan kuasa golongan bangsawan
- B** Menjadi kuasa imperialisme di Asia
- C** Menamatkan penjajahan kuasa asing
- D** Membentuk negara bangsa

- 4 Maklumat berikut menunjukkan pemimpin tempatan yang menentang penjajah pada penghujung abad ke-19 dan awal abad ke-20.

- Penghulu Dol Said
- Dato Maharaja Lela Pandak Lam
- Dato' Bahaman

Bagaimanakah anda mencirikan Gerakan nasionalisme pemimpin tempatan tersebut?

- I Bersifat setempat
 - II Menuntut kebebasan
 - III Mendapatkan semula jajahan
 - IV Berjuang mengukuhkan kuasa
- A** I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
- 5 Kegagalan Liga Bangsa-Bangsa menjalankan tanggungjawab dalam memastikan keamanan dunia mengakibatkan meletusnya Perang Dunia Kedua.
- Apakah krisis - krisis yang gagal ditangani oleh liga tersebut?
- A** Kemunculan negara baharu yang tidak terkawal
B Peluasan kuasa Jepun di Asia Tenggara
C Pencerobohan Itali di wilayah Poland
D Keingkaran Jerman mematuhi Perjanjian Versailles
- 6 Mengapakah Jepun menggabungkan Tanah Melayu dan Sumatera di bawah satu pentadbiran pada peringkat awal pengenalan Pemerintahan Tentera Tanah Melayu?
- A** Merealisasikan konsep Melayu Raya
B Membentuk Kawasan Pertahanan Khas
C Mengurangkan kos perbelanjaan kerajaan
D Menambahkan bilangan tentera demi keselamatan pentadbiran

- 7 Melalui pembentukan Malayan Union, British berhasrat golongan imigran dapat membantu meningkatkan ekonomi Tanah Melayu.

Bagaimanakah hasrat tersebut dapat direalisasikan?

- A Memupuk semangat cintakan tanah air
- B Membekalkan sumber tenaga kerja berterusan
- C Membangunkan sosioekonomi golongan imigran
- D Memberikan layanan sama rata tanpa mengira bangsa

8

British khuatir pemimpin persatuan di Sabah menentang penyerahan Sabah terhadap British

Bagaimanakah tindakan British mengatasinya?

- A Memberi pencen bulanan
- B Menawarkan kenaikan pangkat
- C Menghantar pemimpin persatuan ke luar negara
- D Menjatuhkan hukuman penjara

- 9 Apakah manfaat yang diterima oleh orang Melayu melalui Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948?

- A Menguasai pentadbiran
- B Kebebasan berpolitik
- C Kedudukan istimewa dilindungi
- D Menentukan kerakyatan

- 10 Perjanjian berikut ditandatangani pada 21 Januari 1948.

Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948

Apakah kesan perjanjian tersebut terhadap sistem pemerintahan beraja di Tanah Melayu?

- A Pembubaran Majlis Raja-Raja
- B Pengembalian kuasa Raja-raja Melayu
- C Pelantikan Penasihat British dalam pentadbiran
- D Penyingkiran sistem pemerintahan beraja

11 Berikut adalah keganasan yang dilakukan oleh Parti Komunis Malaya (PKM).

- Merosakkkkan pokok getah
- Mensabotaj landasan kereta api

Mengapakah PKM bertindak sedemikian?

- A** Membuktikan kesungguhan PKM
- B** Melumpuhkan ekonomi British
- C** Menakutkan penduduk tempatan
- D** Menuntut kemerdekaan daripada British

12 Kerajaan British telah memperkenalkan sistem pendaftaran kebangsaan pada 23 Julai 1948 untuk membezakan orang awam dan komunis.

Apakah langkah yang diambil oleh British untuk menjayakan sistem tersebut?

- A** Melonggarkan syarat kerakyatan
- B** Menguatkuasakan peringkat berkurung
- C** Memastikan penduduk menganggotai parti politik yang sah
- D** Mewajibkan penggunaan kad pengenalan bagi penduduk berumur 12 tahun ke atas

13 Sistem Ahli dibentuk bagi memenuhi dasar dekolonisasi British.

Bagaimanakah British melaksanakan dasar tersebut?

- A** Mewujudkan badan yang dianggotai oleh semua kaum
- B** Melatih penduduk tempatan dalam pentadbiran negara
- C** Menyediakan pekerjaan dalam bidang pentadbiran
- D** Memberi peluang kepada pemimpin tempatan mengetahui pentadbiran negara

14 Senarai berikut menunjukkan sistem persekolahan yang wujud sebelum Merdeka.

- Sekolah Melayu
- Sekolah Cina
- Sekolah Tamil
- Sekolah Agama

Apakah kesan sistem tersebut kepada negara?

- A** Masalah kekurangan guru
- B** Perpaduan kaum sukar dicapai
- C** Peluang pekerjaan berkurangan
- D** Masalah buta huruf berkurangan

15 Apakah had umur yang melayakkan seseorang penduduk Persekutuan Tanah Melayu untuk mengundi dalam Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955?

- A** 18 tahun ke atas
- B** 20 tahun ke atas
- C** 21 tahun ke atas
- D** 31 tahun ke atas

16 Selepas Pilihan Raya Persekutuan Tanah Melayu 1955, Kabinet Pertama telah dibentuk. Tunku Abdul Rahman dilantik sebagai

- A** Ketua Menteri
- B** Perdana Menteri
- C** Menteri Pertahanan
- D** Menteri Dalam Negeri

17 Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu telah dibentuk pada 8 Mac 1956. Mengapakah suruhajaya ini dibentuk?

- A** Mencadangkan bentuk pentadbiran kerajaan
- B** Merangka Perlembagaan Persekutuan
- C** Membincangkan tarikh kemerdekaan
- D** Menggubal undang-undang Persekutuan Tanah Melayu

18 Bagaimanakah kewarganegaraan dapat diperoleh berdasarkan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu?

- I Kuat kuasa undang-undang
- II Memohon didaftarkan sebagai rakyat
- III Bekerja di Jabatan kerajaan Persekutuan
- IV Melalui perkahwinan dengan penduduk tempatan

- A** I dan II **C** II dan III
B I dan IV **D** III dan IV

19 Gambar menunjukkan peristiwa sambutan kemerdekaan negara pada 31 Ogos 1957.



Di manakah peristiwa tersebut diadakan?

- A** Padang Banda Hilir, Melaka
B Stadium merdeka
C Tugu Kemerdekaan
D Memorial Kemerdekaan

20 Bagaimanakah negara kita dapat memperoleh kemerdekaan tanpa pertumpahan darah?

- A** Rundingan dan muafakat antara kaum
B Para pemimpin menghantar memorandum bantahan.
C Desakan daripada kuasa asing yang lain
D British menamatkan penjajahan dengan rela hati

21 Berikut merupakan sistem pentadbiran yang diamalkan di negara kita.

Demokrasi Berparlimen

Mengapakah sistem tersebut penting terhadap kedaulatan negara?

- A** Rakyat terlibat dalam pemerintahan negara
- B** Undang-undang negara digubal oleh Perdana Menteri
- C** Kerajaan dan rakyat terikat oleh undang-undang yang perlu dipatuhi
- D** Yang di-Pertuan Agong memiliki kuasa mutlak dalam hal ehwal pentadbiran negara

22 Sebagai rakyat Malaysia, apakah usaha yang boleh kita lakukan untuk menjamin kemakmuran ekonomi negara?

- A** Menuntut hak keadilan
- B** Melibatkan diri dalam pentadbiran
- C** Menyemak keberkesanan pentadbiran
- D** Memberi kerjasama dalam pembangunan negara

23 Senarai berikut menunjukkan kandungan yang terdapat dalam Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948.

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none">• Pentadbiran• Kuasa raja Melayu• Perundangan• X |
|---|

Apakah X?

- A** Kewangan
- B** Pendidikan
- C** Pertahanan
- D** Kewarganegaraan

24 Apakah implikasi daripada pindaan Perlembagaan 1965?

- A Pengekalan Mahkamah Tinggi Malaya
- B Pengukuhan Perlembagaan Persekutuan
- C Pemansuhan semua perkara berkaitan Singapura
- D Penggabungan Sarawak dan Sabah dengan Malaysia

25 Maklumat berikut berkaitan dengan Kesultanan Melayu selepas Kesultanan Melayu Melaka.

- | |
|--|
| <ul style="list-style-type: none">• Kesultanan Johor-Riau• Kesultanan Pahang• Kesultanan Perak |
|--|

Apakah persamaan Kesultanan Melayu tersebut?

- A Menggubal sistem perundangan sendiri
- B Memiliki pemerintahan beraja yang sama
- C Mewarisi legasi Kesultanan Melayu Melaka
- D Memperkenalkan konsep Islam dalam pemerintahan

26 Mengapakah Institusi kehakiman harus bebas daripada pengaruh politik?

- A Memastikan keadilan dapat ditegakkan
- B Mengelakkan kelewatan perbicaraan sesuatu kes
- C Menentukan kesahihan bukti yang dikemukakan
- D Menjamin perbicaraan kes pihak berkepentingan diutamakan

27 Pentadbiran Kerajaan Malaysia dibahagikan kepada tiga peringkat, iaitu Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan. Manakah antara berikut perkara yang terletak di bawah kuasa Kerajaan Persekutuan?

- I Hal Ehwal Tanah
- II Pertahanan
- III Pelajaran
- IV Undang-undang Islam

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

28 Apakah bentuk Kerjasama Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan negeri melalui Akta 716 seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan?

- A Pengurusan taman laut
- B Pengurusan sumber hutan
- C Pengurusan sumber tenaga baharu
- D Pengurusan hidupan liar dan taman negara

29 Mengapakah Filipina tidak bersetuju dengan penggabungan Sabah ke dalam Malaysia?

- A Mendakwa wilayah Sabah milik Filipina
- B Rakyat Filipina di Sabah akan diusir
- C Mengancam kepentingan Filipina di Sabah
- D Malaysia menjadi kuasa baru di Asia Tenggara

30 Apakah pendekatan yang diambil oleh Malaysia untuk menangani konfrontasi?

- A Melancarkan serangan balas terhadap Indonesia
- B Meminta campur tangan PBB untuk menasihati Indonesia
- C Mengadakan siri rundingan dengan pihak yang terlibat
- D Mengadakan bantahan secara aman di kedutaan Indonesia

31 Apakah usaha kerajaan bagi membanteras kegiatan komunis yang bersembunyi diluar sempadan negara?

- A** Membina tembok di sepanjang sempadan
- B** Melancarkan serangan hendap besar-besaran
- C** Menawarkan bantuan ketenteraan kepada Thailand
- D** Mengadakan perjanjian kerjasama sempadan dengan Thailand

32 Berikut adalah antara isu ekonomi yang dihadapi oleh negara semasa Rancangan Malaysia Pertama.

- Peluang pekerjaan terhad
- Pengangguran meningkat

Apakah usaha Kerajaan untuk mengatasi isu tersebut?

- A** Mendapatkan bantuan Bank Dunia
- B** Menubuhkan pusat latihan vokasional dan teknikal
- C** Membuka kawasan baharu untuk pertanian komersial
- D** Menambah baik sistem perhubungan dan pengangkutan

33 Pada 31 Ogos 1986, perkhidmatan Feri Malaysia (Cruise Muhibah) antara Semenanjung Malaysia, Sarawak dengan Sabah dilancarkan.

Mengapakah perkhidmatan feri tersebut diperkenalkan?

- A** Memendekkan masa perjalanan
- B** Menjimatkan kos pengangkutan
- C** Menjayakan aktiviti pelancongan
- D** Menjayakan integrasi nasional

34

Dewan Bahasa dan Pustaka
- Ditubuhkan pada 22 Jun 1956 - Pengarah pertama ialah Ungku Aziz Ungku Abdul Hamid

Mengapakah institusi berikut ditubuhkan?

- A** Memartabatkan kedudukan Bahasa Melayu
- B** Menggalakkan kemasukan pelabur asing
- C** Melahirkan Masyarakat berkemahiran
- D** Memantapkan perpaduan kaum

35 Maklumat berikut berkaitan dengan agensi kerajaan yang ditubuhkan untuk merencanakan kegiatan ekonomi.

- Meningkatkan taraf hidup nelayan
- Memodenkan industri perikanan

Apakah agensi Kerajaan tersebut?

- A** Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP)
- B** Lembaga Beras dan Padi Negara (LPN)
- C** Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM)
- D** Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA)

36 Maklumat berikut berkaitan dengan agensi kerajaan yang memberikan latihan kepada golongan belia.

- Pusat Latihan Kemahiran Giatmara
- Institut Latihan Perindustrian (ILP)

Apakah matlamat penubuhan agensi tersebut

- A** Melahirkan usahawan yang bertaraf dunia
- B** Membangunkan industri berat di Malaysia
- C** Meningkatkan taraf hidup penduduk luar bandar
- D** Membantu belia mendapatkan kerja berkaitan dengan kemahiran

37 Maklumat berikut berkaitan dengan negara yang mempengaruhi penggubalan dasar luar Malaysia melalui ikatan Sejarah.

- Arab Saudi
- Mesir dan Turki

Apakah jenis ikatan sejarah tersebut?

- A** Keagamaan
- B** Perdamaian
- C** Perdagangan
- D** Hubungan antarabangsa

38 Jadual berikut berkaitan dengan Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN).

Tahun	1971
Tempat	Kuala Lumpur
Peristiwa	Mesyuarat Menteri-menteri Luar ASEAN

Apakah keputusan yang dicapai dalam mesyuarat tersebut?

- A** Pembinaan Pusat Serantau untuk Sains dan Matematik (RECSAM)
- B** Penubuhan Pusat Kajian Bahasa Inggeris (RELC)
- C** Pengisytiharan Zon Aman, Bebas dan Berkecuali (ZOPFAN)
- D** Pembentukan Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC)

39 Apakah faktor yang menyebabkan Malaysia berjuang bagi memastikan hak dan keadilan rakyat Palestin mendapat pembelaan?

- A. Isu pelarian
- B. Peperangan saudara
- C. Kemiskinan rakyat Palestin
- D. Kekejaman rejim Zionis Israel

40 Rizab Sekuriti Makanan ASEAN telah ditubuhkan sebagai usaha mendapatkan maklumat berkaitan dengan dasar sekuriti makanan.

Apakah kepentingan rizab makanan tersebut?

- A** Digunakan sewaktu kecemasan
- B** Mengawal harga bahan mentah
- C** Mengenal pasti kualiti makanan
- D** Diselaraskan jumlah pengeluaran

KERTAS SOALAN TAMAT